

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Wajib pasang AED di semua pejabat, fasiliti awam

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mewajibkan pemasangan peranti defibrilator luaran automatik (AED) bagi membantu mangsa terkena serangan jantung di semua pejabat dan fasiliti awam menjelang 2025.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata kewajipan pemasangan itu sudah diluluskan Jemaah Menteri melalui Mesyuarat Kabinet, semalam.

Katanya, perkara itu akan dibawa kepada Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) bagi tujuan formaliti dan membolehkan undang-undang kerajaan

tempatan dapat dipinda supaya pembinaan premis swasta yang baharu juga perlu memasang AED.

"Fasa pertama bagi 2022 hingga 2024, penyediaan AED di fasiliti awam dan swasta adalah secara sukarela oleh pemilik premis.

"Mulai 2025, semua fasiliti awam diwajibkan memasang AED berikutan serangan jantung adalah pembunuh utama," katanya pada sidang media selepas melawat Ibu Pejabat Nasional Persatuan Bulan Sabit Merah di sini, semalam.

Pada sesi lawatan itu, Khairy turut mengumumkan peruntukan RM3 juta bagi pemasangan 100 AED di semua 16 negeri dan wilayah, selain RM5 juta bagi pelaksanaan Projek Ambulans Hotspots yang diperluaskan di 15 lokasi lagi di seluruh negara menjelang 1 April ini.

Pada masa sama, beliau berkata, pemasangan AED itu melalui Jaringan MyAED Komuniti akan digandakan dari semasa ke semasa, selain program kesedaran di sekolah menerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan St John Ambulans Malaysia.

Beliau berkata, negara maju sudah memasang AED di pusat beli-belah dan kompleks sukan kerana peranti membolehkan pesakit jantung mempunyai keberangskalian dua hingga tiga kali ganda untuk hidup jika terkena serangan.

"Waktu kritikal adalah 10 minit selepas serangan jantung dan kalau orang dapat gunakan AED, kadar pesakit untuk diselamatkan adalah tinggi," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, penerima vaksin Sinovac dan golongan warga emas yang tidak mengambil dos penggalak men-

jelang 1 April tidak layak menikmati kemudahan seperti mereka yang mendapat vaksinasi lengkap.

"Mereka tidak dapat menikmati kelonggaran vaksinasi penuh termasuk tidak dapat ke luar negara," katanya.

Terdahulu, Khairy menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara St John Ambulans Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bagi tujuan peranan bersama khasnya dalam bidang perkhidmatan kecemasan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Dua hari berturut-turut Selangor catat kes lebih 10,000

Putrajaya: Lebih separuh kes harian COVID-19 di negara ini dicatatkan di Selangor, iaitu sebanyak 11,692 kes.

Ini adalah hari kedua berturut-turut negeri berkenaan mencatatkan pertambahan kes COVID-19 melebihi 10,000 kes.

Rabu lalu, Selangor mencatatkan sebanyak 10,240 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kelmarin, negara melaporkan 24,316 kes baharu COVID-19, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti wabak berkenaan, 4,079,242 kes.

"Kes dikesan semalam (kelmarin), membabitkan 297 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dengan 24,019 kes lagi adalah tempatan. Secara keseluruhannya, kes semalam (kelmarin) itu paling tinggi adalah dalam kalangan pesakit kategori satu, iaitu 13,299 kes.

"Ia diikuti kategori dua dengan 10,865 kes, kategori tiga (75 kes), kategori lima (45 kes) dan kategori empat (32 kes)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Penularan COVID-19

Tiada kompromi individu belum ambil dos penggalak

Kerajaan sudah beri masa cukup kepada warga emas, penerima vaksin Sinovac

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Mahaizura Abd Malik
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak akan berkompromi lagi dengan individu berusia 60 tahun ke atas atau penerima vaksin Sinovac berusia 18 tahun ke atas yang belum mengambil suntikan dos penggalak hingga mengakibatkan mereka kehilangan status vaksinasi lengkap mulai 1 April ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, kerajaan sudah memberikan masa mencukupi bagi memudahkan golong-

ngan itu mendapatkan dos penggalak sebagai ikhtiar melindungi diri mereka daripada COVID-19.

Katanya, keputusan melaksanakan perkara itu bukan baharu kerana pengumuman pertama berhubung isu itu dibuat pada 16 Disember tahun lalu, diikuti peringatan diberikan pada 7 Februari lalu sebelum kerajaan menangguhkan tempoh sehingga hujung bulan ini.

"Singapura pun ada syarat yang sama (penerima vaksin Sinovac perlu ambil dos penggalak).

"Dos penggalak diperlukan selepas melihat keberkesanan menurun selepas beberapa bulan (menerima vaksin lengkap) dan kesan varian Omicron," katanya di Twitter rasmi beliau, semalam.

Pada sidang media kelmarin, Khairy turut meminta golongan terbabit segera mendapatkan dos penggalak masing-masing.

Di Kota Bharu, kesan sampingan yang teruk ketika suntikan vaksin dos kedua, antara punca penerima vaksin Sinovac enggan mengambil dos penggalak, biarpun bakal hilang status lengkap divaksin mulai 1 April ini.

Malah, ada dalam kalangan mereka sanggup menerima hakikat pergerakan mereka terbatas selepas ini sekiranya tidak menerima dos penggalak disebabkan takut dengan kesan sampingan.

Penerima vaksin Sinovac yang mahu dikenali sebagai Hidayah, 37, berkata dia antara yang mengalami kesan sampingan agak teruk ketika suntikan dos kedua.

kan dos kedua.

"Sebelum ini, saya seorang yang positif dan tidak sesekali menolak vaksin sehinggalah menerima suntikan dos kedua tahun lalu.

"Kesan sampingan yang saya alami adalah sukar bernafas dan situasi ini berlaku berpanjangan menyebabkan ketika itu saya ter-lalu bimbang dan hanya memikirkan mati," katanya.

Ibu kepada tiga cahaya mata itu berkata, disebabkan itu, dia enggan mengambil dos penggalak kerana trauma kesan sampingan dilalui itu masih terasa.

Sementara itu, Diana, 36, berkata dia menangguhkan untuk mengambil dos penggalak kerana sedang mengandung dan mungkin akan mengambilnya selepas bersalin nanti.

"Untuk dos penggalak ini, pemikiran saya tidak lagi positif sebagaimana sebelum ini. Macam-macam saya dengar kesan yang dialami orang sekeliling," katanya.



Khairy Jamaluddin

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 38

RUANGAN : ZON SIHAT

Obesiti bawa mudarat, punca hidap penyakit tak berjangkit



Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Seksyen 19 Shah Alam

Oleh Dr Ariff Fahmi

Obesiti merujuk kepada pengumpulan lemak berlebihan dan luar biasa yang boleh membahayakan kesihatan.

Kebiasaannya obesiti ditukur menggunakan indeks jisim badan (BMI). Individu obesiti boleh berisiko menyebabkan kemudaratkan kepada penyakit lain seperti kencing manis, serangan jantung, kanser, dementia dan selain-lain.

Mendepani endemik COVID-19, semua pihak perlu berusaha mengawal penularan dan kemudaratkan obesiti.

Bagi setiap satu unit pertambahan BMI membawa kepada peningkatan 12 peratus risiko untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk.

Berdasarkan laporan, sebanyak 208 kajian membabitkan lebih tiga juta pesakit COVID-19 di 32 negara mendapati mereka yang mengalami obesiti dan 2.5 kali ganda lebih tinggi risiko untuk masuk ke hospital serta dua kali ganda berisiko meninggal dunia.

Analisis World Obesity Federation juga mendapati daripada 2.5 juta kematian COVID-19 yang berlaku setakat Februari tahun lalu, sebanyak 2.2 juta daripadanya berlaku di negara yang separuh daripada penduduknya mengalami berat badan berlebihan.

Kemudaratkan obesiti kepada kesihatan

Kadar kematian COVID-19 adalah 10 kali ganda lebih tinggi di negara yang obesiti sudah endemik.

Malaysia antara negara yang sudah endemik.

Kajian National Health Morbidity Survey pada 2019, kira-kira 50.1 peratus daripada orang dewasa di Malaysia mengalami berat badan



berlebihan dan obesiti.

Berbanding negara Jepun dan Korea Selatan yang mempunyai kadar kematian COVID-19 dan obesiti yang lebih rendah.

Walaupun pengamal perubatan sejak 2500 tahun lalu mengenal pasti kemudaratkan obesiti kepada nyawa manusia, namun wujud stigma dan salah faham merencatkan usaha pencegahan dan perawatan berkesan.

Individu mengalami obesiti terdedah kepada prejudis. Mereka disalahkan semata-mata disebabkan berat dan bentuk badan walhal terdapat banyak punca menyumbang kepada penyakit itu.

Lebih malang ada segelintir masyarakat sengaja mengambil pendekatan prejudis terhadap individu yang hidup dengan obesiti dengan harapan dan tujuan untuk memberi semangat kepada mereka mengubah kepada tingkah laku yang sihat.

Walhal obesiti bukan sekadar masalah keazaman atau kurang motivasi, sebaliknya penyakit wujud tindak balas tidak normal di dalam tubuh menyebabkan berlaku pengumpulan lemak berlebihan pada anggota badan.

Obesiti bukan sekadar masalah makan berlebihan dan kurang bersenam. Kurangkan makan dan lebihkan bersenam semata-mata bukan rawatan untuk obesiti.

Stigma mengenai obesiti

Banyak kajian menunjukkan salah faham dan stigma terhadap obesiti. Walaupun jarang dinyatakan secara berhadapan, pandangan negatif itu wujud dalam bentuk yang lebih halus di rumah, tempat belajar atau kerja, tempat awam.

Malah, juga wujud di fasiliti kesihatan dan perubatan. Mereka

membayar insurans atau takaful perubatan yang lebih mahal.

Malah, wujud diskriminasi di tempat kerja di kalangan majikan dan rakan sekerja, manakala kanak-kanak dan remaja pula berat badan berlebihan dan obesiti akan menyebabkan kemudaratkan berpanjangan apabila dewasa kelak.

Kekalkan berat badan ideal

Untuk mengurangkan dan mengekalkan berat badan ideal adalah sukar. Jadi, berat badan berlebihan pada seawal usia kanak-kanak dan remaja akan menyumbang kepada obesiti pada usia dewasa.

Natijahnya adalah kemudaratkan yang sepatutnya boleh dikawal tetapi menjadi beban yang berpanjangan.

Justeru, di sebalik wabak COVID-19 yang menjadi perhatian semua, gejala obesiti yang sudah endemik di Malaysia tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.

Bagi mengawal wabak COVID-19, pendekatan 'whole-of-government' dan 'whole-of-society' diperkasakan oleh banyak pihak.

Endemik obesiti juga memerlukan pendekatan sama dengan pelaksanaan lebih menyeluruh. Polisi dan strategi membabitkan pelbagai sektor perlu dilaksanakan ke arah pencegahan dan rawatan obesiti.

Sektor kesihatan perlu mengorak langkah proaktif ke arah promosi kesihatan, pencegahan, diagnosis dan rawatan obesiti yang boleh diakses oleh semua rakyat.

Klinik kesihatan boleh mengambil peranan mengenal pasti individu memerlukan rawatan obesiti di komuniti.

Latihan dan garis panduan membabitkan pengurusan berat badan perlu diperkenalkan dan dilaksanakan membabitkan pelbagai bidang bermula dari aspek pemakanan, perubatan, terapi fizikal serta terapi tingkah laku.

Intervensi gaya hidup, ubat dan pembedahan satu keperluan bagi merawat obesiti dan bukan sekadar bentuk kemewahan untuk tujuan kosmetik.

Justeru, kemudaratkan obesiti dan COVID-19, jika tidak ditangani semua pihak, akan membekalkan perkhidmatan rawatan kesihatan, menjejaskan produktiviti negara dan sekali gus mengugut kualiti hidup rakyat.

Semua pihak perlu bertangjawab bagi mencegah dan mengawal obesiti dan COVID-19. Kemudaratkan disebabkan obesiti dan penyakit berjangkit seperti COVID-19 ibarat sudah jatuh ditimpa tangga.

Sedangkan dengan kefahaman yang jelas dan tindakan yang terancang, kedua-dua endemik itu tersebut boleh diurus dan dikawal.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

SELANGOR mencatat Ro/Rt yang tinggi pada 24 Mac 2022



Kuala Lumpur

Kes aktif Covid-19 dalam negara semakin menurun menjelang fasa peralihan ke endemik mulai 1 April depan dengan angka kes sembuh yang tinggi mengatasi kes harian baharu.

Rekod COVIDNOW Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), setakat pukul 11:59 malam 24 Mac 2022 menunjukkan kes aktif Covid-19 sebanyak 247,603 kes berbanding 296,799 kes pada 17 Mac lepas.

Kes harian baharu masih di bawah 30,000 sepanjang tempoh rangkuman mingguan 19 Mac hingga 24 Mac 2022 dengan sebanyak 24,316 kes dilaporkan pada 24 Mac. Negeri Selangor sahaja menyumbang sebanyak 11,692 kes.

Kelmarin adalah hari kedua, Selangor mencatat kes harian baharu lima angka. Pada 23 Mac, Selangor melaporkan sebanyak 10,240 kes.

Angka kes kumulatif Co-

vid-19 negara kini sebanyak 4,079,242. Malaysia mula merekod kes kumulatif Covid-19 mengatasi empat juta pada 21 Mac (4,010,952 kes).

Pada 21 Mac juga, angka kes harian baharu terendah direkod untuk tempoh rangkuman ini iaitu sebanyak 17,828 kes.

Kali terakhir negara mencatat kes harian baharu sekitar 17,000 ialah pada 9 Februari 2022, sebanyak 17,134 kes.

Berikut rekod kes harian baharu sepanjang tempoh rangkuman ini: 19 Mac (22,341), 20 Mac (19,105), 21 Mac (17,828), 22 Mac (21,483), 23 Mac (22,491) dan 24 Mac (24,316).

Rekod kes sembuh Covid-19 untuk tempoh rang-

kuman yang sama seperti berikut: 19 Mac (33,347), 20 Mac (28,250), 21 Mac (28,003), 22 Mac (32,561), 23 Mac (26,234) dan 24 Mac (25,512).

Sepanjang tempoh rangkuman mingguan ini, berdasarkan data KKM, hanya 17 kluster baharu direkod iaitu lapan (8) kluster tempat kerja (47.05 peratus), lapan (8) kluster kumpulan berisiko tinggi (47.05 peratus) dan satu (1) kluster pendidikan (5.90 peratus).

Dengan kes kumulatif sebanyak 4,079,242, Malaysia kini di tangga 23 daripada 225 buah negara/wilayah yang dilanda pandemik Covid-19. Di hadapan Malaysia adalah Australia (4,122,142) dan Ukraine (4,949,283).

Dalam kalangan 225 buah negara, mengikut data terkini Worldometer, Korea Selatan mencatat angka kes harian baharu tertinggi kelmarin iaitu sebanyak 395,589 kes dengan 470 kematian diikuti Jerman 305,592 kes (261 kematian) dan Perancis 148,635 kes (124 kematian).

Data COVIDNOW KKM setakat pukul 11:59 mlm 24 Mac 2022 menunjukkan kes aktif Covid-19 sebanyak 247,603 kes dan daripada jumlah itu, sebanyak 239,934 kes (96.9 peratus) dikuaran- tin di rumah.

Sebanyak 1,329 kes (0.5 peratus) lagi di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC); 6,019 kes (2.4 peratus) di hospital; 127 kes (0.1

peratus) di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa memerlukan Alat Bantuan Pernafasan (ABP) sementara 194 kes (0.1 peratus) di ICU memerlukan ABP.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan akhbar semalam, daripada 24,316 kes harian baharu direkod pada 24 Mac, kategori 1 sebanyak 13,299 kes (54.69 peratus); kategori 2 sebanyak 10,865 kes (44.68 peratus); kategori 3 sebanyak 75 kes (0.31 peratus); kategori 4 sebanyak 32 kes (0.13 peratus) kategori 4 dan kategori 5 sebanyak 45 kes (0.19 peratus).

KKM meletakkan pesakit Covid-19 yang memerlukan ventilator yang dianggap

kritikal di kategori 5. Kategori 4 untuk pesakit yang memerlukan bantuan oksigen dan kategori 3 pula yang menghidap radang paru-paru. Kategori 1 (tiada gejala) dan kategori 2 (gejala ringan).

Sebanyak 25,512 kes sembuh pesakit Covid-19, menjadikan kes kumulatif sembuh sebanyak 3,796,975 (93.1 peratus).

Sebanyak 139 kes di ICU disahkan sebagai Covid-19 setakat kelmarin dan 90 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Kadar kebolehhangkitan Covid-19 atau Ro/Rt untuk seluruh negara sepanjang tempoh rangkuman ini kekal bawah paras 1.00. Data untuk rangkuman mingguan ini seperti berikut: 19 Mac (0.92), 20 Mac (0.93), 21 Mac (0.92), 22 Mac (0.91), 23 Mac (0.90) dan 24 Mac (0.91).

Negeri yang mencatat Ro/Rt yang tinggi pada 24 Mac 2022 adalah Selangor (1.06), Perak (0.99) dan Sarawak (0.97).

11,692 JANGKITAN COVID-19 KELMARIN

HARI KEDUA SELANGOR 5 ANGKA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

18 kematian di luar fasiliti kesihatan

Putrajaya: Sebanyak 64 kematian akibat Covid-19 dilaporkan sehingga kelmarin, yang mana 18 daripadanya adalah kematian di luar fasiliti kesihatan (BID).

Menerusi laman sesawang Covid-19, kes kematian itu membabitkan 11 kes di Johor; Perak (sembilan); masing-masing lapan kes di Kedah dan Selangor; Melaka (lima); masing-masing empat kes di Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak; Terengganu (tiga); masing-masing dua kes di Kelantan, Pulau Pinang dan Sabah serta Kuala Lumpur (satu).

"Bagi kes BID, masing-masing tiga kes di Johor dan Selangor; masing-masing dua kes di Kelantan, Melaka, Perak, Sarawak, dan masing-masing satu kes di Sabah, Terengganu dan Kuala Lumpur," katanya.

Sementara itu, sebanyak 66.2 peratus atau 15,574,997 individu dewasa di negara

ini sudah menerima dos penggalak Covid-19, sehingga kelmarin.

Secara keseluruhannya, sebanyak 61,534,283 individu sudah mendapatkan pelanian itu.

Daripada jumlah berkenaan, selain dos penggalak, sebanyak 98.7 peratus bersamaan 23,223,301 individu sudah melengkapkan sekurang-kurangnya satu dos pelanian Covid-19 dengan 97.5 peratus (22,947,183) sudah mendapatkan dua dos vaksin.

Bagi pemberian vaksin pada remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sebanyak 5,791,063 dos sudah diberikan, ia membabitkan 91.5 peratus iaitu 2,944,079 dos pertama serta 2,846,984 bagi dos kedua.

Selain itu untuk pemberian imuniti Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak iaitu berusia lima hingga 11 tahun kini sudah mencecah 36.1 peratus bersamaan 1,282,478 dos.

Catat 24,164 kes kategori satu, dua

Kuala Lumpur: Sebanyak 152 kes atau 0.63 peratus daripada 24,316 kes baharu Covid-19 dilaporkan kelmarin melibatkan kategori tiga hingga lima, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata baki 24,164 kes atau 99.37 peratus pula terdiri daripada kategori satu dan dua, sekali gus menjadikan kumulatif kes Covid-19 dalam negara berjumlah 4,079,242 manakala 25,512 kes sembuh direkodkan kelmarin, menjadikan kumulatif kes sembuh sebanyak 3,796,975.

"Daripada 152 kes kategori tiga hingga lima, se-

banyak 43 kes melibatkan individu tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi, 61 kes sudah menerima dua dos vaksin Covid-19, tetapi belum menerima dos penggalak dan 48 kes telah menerima dos penggalak," katanya dalam satu kenyataan mengenai situasi semasa Covid-19 di negara ini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata sebanyak 1,264 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital pula melibatkan 487 kes atau 38.5 peratus dalam kategori tiga, empat dan lima manakala 777 kes atau 61.5 peratus adalah kategori satu dan dua.



PETUGAS kesihatan membantu kehadiran individu positif Covid-19 kategori 2B dan ke atas atau memiliki gejala yang semakin teruk yang hadir ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC), Pelabuhan Klang, semalam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

96% KES PULIH DI RUMAH

Hanya kes teruk sahaja yang memerlukan rawatan di hospital

Shah Alam

Proses pemulihan bagi kes positif Covid-19 di Malaysia kebanyakannya dilakukan di rumah dengan 96 peratus kes aktif di negara ini dipantau dari rumah individu berkenaan, kata Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Beliau berkata hanya kes teruk sahaja yang memerlukan rawatan di hospital.

"Ini membawa Malaysia kepada pengumuman pembukaan sempadan pada 1 April ini, dan banyak lagi sekatan akan dilonggarkan. Bagaimanapun, Malaysia akan terus mematuhi nasihat dan mandat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) agar mengekalkan penjarakan fizikal dan memakai pelitup muka," kata-

nya.

Ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) Kementerian Kesihatan Datuk Dr Hisham Shah Mohd Ibrahim semasa lawatan kerja Menteri Kesihatan Singapura Ong Ye Kung ke Institut Kesihatan Negara (NIH) di sini, kelmarin.

Dr Noor Azmi berkata setakat ini, sebanyak 79 peratus atau 25,786,987 populasi Malaysia sudah lengkap divaksin dan daripada jumlah itu, 97.5 peratus atau 22,943,182 populasi dewasa (18 tahun dan ke atas) serta 91.4 peratus atau 2,843,805 remaja (12 hingga 17 tahun) telah lengkap vaksinasi.

"Terd-

pat 15,483,571 atau 65.8 peratus populasi dewasa yang sudah melengkapkan vaksin siri primer telah mengambil suntikan dos penggalak dan 1,263,287 atau 35.6 peratus kanak-kanak berusia lima hingga kurang 12 tahun menerima suntikan dos pertama vaksin Covid-19," katanya.

Dr Noor Azmi berkata berdasarkan perkembangan ini, Malaysia sememangnya sudah bersedia untuk beralih ke fasa endemik Covid-19 kerana ia merupakan exit strategy bagi membolehkan rakyat kembali ke-

pada kehidupan hampir normal selepas lebih

dua tahun berhadapan dengan pandemik Covid-19. Semen-

tara itu, Ong dalam ucapannya berkata Malaysia dan Singapura sudah bekerjasama sepanjang krisis pandemik.

"Apabila trafik sempadan darat terganggu akibat virus Covid-19, pihak berkuasa Singapura bertindak dengan menempatkan puluhan ribu rakyat Johor yang bekerja di Singapura kerana mereka tidak dapat berulang-alik setiap hari merentasi tambak. Kami memastikan bekalan penting dan komponen kritikal terus disalurkan.

"Saya dan Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin sentiasa berhubung, saling memaklumkan situasi di negara kita dan maklum balas masing-masing. Saya banyak belajar daripada pertukaran maklumat dengan beliau," katanya.

79 peratus populasi Malaysia sudah lengkap divaksin

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

'Kerajaan sudah beri cukup masa'

Tiada lagi kompromi, lebih dua juta individu bakal hilang status vaksinasi

Oleh MUHAMMAD YUSAINI
MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Kerajaan memberi bayangan tidak akan berkompromi lagi dengan penerima vaksin Sinovac dan individu berusia lebih 60 tahun yang belum mengambil suntikan dos penggalak sehingga mengakibatkan mereka kehilangan status vaksinasi lengkap mulai 1 April ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata kerajaan sudah memberikan masa yang mencukupi bagi memudahkan golongan itu mendapatkan dos penggalak.

"Perkara ini bukan baru. Pengumuman pertama pada 16 Disember 2021.

"Peringatan diberi pada 7 Februari 2022 dan lanjutan masa diberi pada 24 Februari 2022.

"Singapura pun ada syarat yang sama," katanya menerusi ciapan di Twitter pada Jumaat.

Tegas Khairy, dos penggalak itu diperlukan susulan keberkesanan vaksinasi didapati



Penerima vaksin Sinovac dan individu berumur 60 tahun ke atas perlu mengambil dos penggalak selewat-lewatnya 31 Mac ini.

menurun selepas beberapa bulan selain kesan varian Omicron.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan menerusi ciapan di Twitter memaklumkan seramai 2.37 juta rakyat Malaysia dijangka kehilangan status vaksin lengkap menjelang 31 Mac 2022.

"Jangan kehilangan status vaksin lengkap anda, dapatkan dos penggalak sekarang.

"Dikongsikan cara-cara untuk membuat tempahan janji temu vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera," ujarnya.

Sementara itu, sebanyak 15,574,997 individu dewasa atau 66.2 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini telah menerima dos penggalak Covid-19 setakat Khamis.

Berdasarkan data daripada

laman web CovidNow, sejumlah 22,947,183 atau 97.5 peratus daripada populasi sama telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,223,301 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, 2,846,984 individu atau 91.5 peratus daripada populasi itu telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,944,079 atau 94.6 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Untuk populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, 1,282,478 individu atau 36.1 peratus kumpulan itu telah menerima dos pertama melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids).

152 kes baharu kategori tiga hingga lima

KUALA LUMPUR - Sebanyak 152 kes sahaja atau 0.63 peratus daripada 24,316 kes baharu Covid-19 dilaporkan pada Jumaat melibatkan kategori tiga hingga lima, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.



NOOR HISHAM

Beliau berkata, baki 24,164 kes atau 99.37 peratus pula terdiri daripada kategori satu dan dua sekali gus menjadikan kumulatif kes Covid-19 di dalam negara berjumlah 4,079,242 manakala 25,512 kes sembuh direkodkan pada Khamis, menjadikan kumulatif kes sembuh sebanyak 3,796,975.

"Daripada 152 kes katego-

ri tiga hingga lima, 43 kes melibatkan individu tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi, 61 kes telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak dan 48 kes telah menerima dos penggalak,"

katanya dalam kenyataan mengenai situasi semasa Covid-19 negara pada Jumaat.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 1,264 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital pula melibatkan 487 kes atau 38.5 peratus dalam kategori tiga, empat dan lima manakala 777 kes atau 61.5 peratus adalah kategori satu dan dua. - Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION/NEWS



Health Minister Khairy Jamaluddin (centre) witnessing Malaysian Red Crescent Society national deputy chairman Dr S. Selva Jothi (left) exchanging memorandum of understanding documents with St John Malaysia commander-in-chief Datuk Lai See Ming yesterday. BERNAMA PIC

STEERING COMMITTEE FORMED

BOOST FOR NATION'S AMBULANCE SERVICE

St John and Red Crescent in strategic tie-up to enhance ambulance and emergency services

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

ST John Ambulance Malaysia (SJAM) and the Malaysian Red Crescent Society (MRCS) have joined hands to enhance ambulance services and emergency response in the country.

SJAM commander-in-chief Datuk Lai See Ming said the co-operation between the two non-governmental organisations would also cover Hotspots 999 Ambulance Services (Perkhidmatan Ambulans Hotspots 999) and AED (automated external defibrillator) Komuniti Malaysia programmes in providing emergency and disaster aid to victims and training programmes.

"Even though we are normally considered as auxiliary, both organisations have played numerous roles as frontliners during the pandemic, like emergency ambulance services to assist Health Ministry's hospitals and clinics, running blood donation campaigns, providing home-care assistance for the sickly and haemodialysis services.

"Meanwhile, a lot of community support works have also been carried out, like providing additional Personal Protection Equipment for frontliners, improving Covid-19 public awareness and registering them for vaccination, training programmes and first aid education for students and the public," he said in his speech during Health Minister Khairy Jamaluddin's visit to SJAM headquarters here yesterday.

Khairy, who is also SJAM deputy national chairman and MRCS honorary vice-president, was also briefed on implementation of the programmes that were part of the 2022 Budget, and later witnessed the signing of the memorandum of understanding (MoU) on the cooperation pact

between MRCS national deputy chairman Dr S. Selva Jothi and Lai.

In thanking the government for its support, Lai said the MoU would emphasise the strategic partnership between the two NGOs in conducting activities, such as ambulance services, emergency and disaster relief, and health promotions by leading and supporting the ministry's initiatives to improve healthcare services, as well as coordination of services and ensure that there was no overlapping of resources.

"We have also formed a SJAM-MRCS steering committee co-chaired by SJAM's commander-in-chief and MRCS national chairman.

"This will create an effective governance where best practices of both, the organisations and public or private sector, could be taken and emulated."

He said under the two projects, the ambulance hotspot coverage would be increased to 20 locations from 15, while the Jaringan MyAED Komuniti and MYAED project was aimed at distributing AED devices and establishing a network nationwide.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

64 DEATHS

1,264 COVID ADMISSIONS AT HOSPITALS



A Kuala Lumpur Hospital staff member treating a Covid-19 patient on March 14. PIC BY EFFENDY RASHID

Selangor tops list with 249 cases at public hospitals, says Health D-G

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

PUBLIC hospitals saw 1,264 Covid-19 admissions on Thursday, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said.

He said 777 patients were in Categories 1 and 2, and 487 were in Categories 3 to 5. They were part of the 24,316 Covid-19 cases logged on Thursday.

Data shared by Dr Noor Hisham showed Selangor recording the most admissions at 249, followed by Perak with 136, Kuala Lumpur with 122 and Johor with 113. The number of patients discharged from hospitals was 1,228.

On Wednesday, there were 1,341 admissions: 799 for Categories 1 and 2, and 542 for Categories 3 to

5. Dr Noor Hisham said the number of admissions and new cases diagnosed daily differed due to patients declining or improving throughout their infection course.

He said there were also patients in Categories 1 and 2 that needed to be placed at quarantine centres or hospitals as a precaution because they were at higher risk of developing severe Covid-19.

Dr Noor Hisham said the number of Covid-19 patients requiring ventilation had risen to 195, which was 22 per cent of breathing equipment available at public hospitals.

Dr Noor Hisham said 36 per cent of Intensive Care Unit (ICU) beds set aside for Covid-19 cases nationwide were in use to treat 320 patients.

However, Covid-19 ICUs in six states were more than half full, he said.

He said 49 per cent of normal hospital beds reserved for Covid-19 patients were in use to treat 6,007 confirmed or suspected cases.

Covid-19 hospital beds in eight states were more than 50 per cent in use, with Selangor at 79

per cent. It was 72 per cent in Putrajaya, 64 per cent in Kuala Lumpur, 60 per cent in Terengganu, 59 per cent in Melaka, 57 per cent in Perak, 55 per cent in Sarawak and 54 per cent in Negri Sembilan.

The number of people being treated or isolated for Covid-19 fell to about 247,000 on Thursday, according to the Health Ministry's CovidNow portal, with 96.9 per cent of them on home quarantine.

Sixty-four Covid-19 deaths were logged on Thursday including 18 people brought in dead to hospitals. The national death toll is now 34,664.

Data showed 15,574,997 adults, or 66.2 per cent, have received their Covid-19 booster shots.

Up to 97.5 per cent or 22,947,183 persons have been fully vaccinated while 98.7 per cent or 23,223,301 others have taken at least one vaccine dose.

Some 36.1 per cent of 1,282,478 children aged between 5 and 11 have received a dose of the vaccine. For adolescents aged 12 to 17, 94.6 per cent, or 2,944,079 children, have been given their first dose.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION/NEWS

SELANGOR'S UPWARD TREND CONTINUES

State reports 11,692 new Covid-19 cases on Thursday, second day of more than 10,000 infections

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SELANGOR'S new Covid-19 cases are on an uptrend with 11,692 infections registered on Thursday.

This marks the second day the numbers had gone beyond 10,000, with 10,240 reported on Wednesday.

It was a sharp spike from March 22 with 7,452 cases; 6,941 on March 21 and 6,761 on March 20, according to the Health Ministry's Github portal.

Selangor Health, Welfare, Women Empowerment and Family Committee chairman Dr Siti Mariah Mahmud said while she was upset with the surge, the jump in numbers was expected.

"This is not a surprise because this is what happens when people go out to work, mix around and some are not observing Covid-19



People registering at a Covid Assessment Centre in Kajang yesterday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

standard operating procedures (SOP).

"As we know, the Omicron variant is easily and highly transmissible. Frankly speaking, I do not look at the daily number of new infections anymore because this is unavoidable.

"What we should be looking at are the number of hospitalisa-

tions involving patients in Category 3, 4 and 5 and those in the Intensive Care Units.

"However, though those numbers are under control, that doesn't mean we should be complacent. Our aim, same as during the Movement Control Order (MCO), is that our hospitals can cope with admissions and

not be overburdened.

"That is why we appeal to the people, especially the elderly, the immunocompromised and children, to get vaccinated against Covid-19 so their condition will be less severe," she told the *New Straits Times* yesterday.

The growth in new cases could also be attributed to the wide use

of the Covid-19 saliva-based Antigen Rapid Test Kits (RTK-Ag), which could possibly yield false positives as no further confirmation was required with Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) tests, she added.

The people, she added, should continue to be vigilant even as the country eases into the endemic phase and with the borders reopening from April 1.

"When one is fully vaccinated, it doesn't mean they will not get infected. With the immunisation, one will have a better immune response.

"So it is vital for all to guard themselves. If not, we may go into the epidemic stage," said Dr Mariah.

Health Minister Khairy Jamaluddin recently asked Malaysians to reduce reliance on RT-PCR and shift towards RTK-Ag to screen for Covid-19.

The RTK-AG self-test kits were cheaper and more easily available, he said, adding that according to experts, it was sufficient to detect positive cases with higher infectivity rates.

Page 1 pic: Symptomatic people waiting for screening at a Covid-19 Assessment Centre at the Taman Kajang Utama community hall in Kajang

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Queen visits separated conjoined twin babies

PETALING JAYA: A pair of premature conjoined twins, who were successfully separated on March 19, had a royal visitor.

Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah was pictured with them via postings by Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The twins were separated by a surgical team at Hospital Tunku Azizah (HTA) in Kuala Lumpur.

The boys were born at Raja Permaisuri Bainun Hospital when their mother was only 33 weeks into her pregnancy.

They were then referred to HTA for further treatment.

Dr Noor Hisham said the Queen also visited another baby, who was born with "biliary atresia".

The baby, he said, went through a liver transplant on Tuesday.

"The baby received part of the heart from his father," he wrote.



Royal visitor: The Queen (middle) visiting the twin boys at Hospital Tunku Azizah in Kuala Lumpur.

Home vaccinations to expand booster coverage

PETALING JAYA: Booster doses for Covid-19 vaccinations will be given at home to senior citizens who are unable to make it to vaccination centres (PPV), says ProtectHealth Corporation Sdn Bhd.

This will be done via the Home Vaccination programme, a government initiative to protect the elderly who are part of the vulnerable group.

This will expand the coverage and expedite booster dose vaccinations before the full vaccination privileges are withdrawn from recipients who do not obtain their booster dose by March 31.

ProtectHealth pointed out that many senior citizens are expected to assemble at mosques to perform terawih prayers and attend gatherings during Ramadan, and this might increase the possibility of Covid-19 transmission.

"As announced by Health Minister Khairy Jamaluddin on March 17, senior citizens are advised to go for the Covid-19 vaccination and booster shots for better protection against the virus, especially with Ramadan coming," ProtectHealth said in a statement yesterday.

ProtectHealth chief executive officer Datuk Dr Anas Alam Faizli advised senior citizens who have yet to get their shots to do so immediately to ensure a safe transition to the endemic phase which begins on April 1.

"For those who have not been boosted yet, the colour of the vaccination certificate in the MySejahtera application will change to white if they have not taken the booster dose.

"With the introduction of home vaccination, we want to provide a hassle-free and seamless experience for the elderly who are



Staying safe: Senior citizens are advised to go for the Covid-19 vaccination and booster shots for better protection against the virus. — FAIHAN GHANI/The Star

unable to access PPV," he said.

Dr Anas said that even though the Omicron Covid-19 variant may not be as aggressive as the Delta variant, it will not be a mild disease for the elderly – especially those with comorbidities – and could even lead to death.

"As such, we appeal to the public to ensure your parents are protected against the Covid-19 virus. By protecting your loved ones, we will protect everyone and the community," he added.

As of March 24, 15.5 million booster doses have been administered with 12 million doses (77.4%) by private medical practitioners and

healthcare non-governmental organisations under ProtectHealth.

Malaysians and non-Malaysians who want to register their elderly or know of anyone who requires the service can call the national hotline for home vaccination at 1-700 811 007 from 9am to 5pm from March 28.

They could also send a message via WhatsApp to 012-678 7911 and a response can be expected within one to three days.

Alternatively, they could also register via the ProtectHealth website (https://vaksincovid.protecthealth.com.my/register_vaccinee) or the MySejahtera Helpdesk.